



SIARAN MEDIA

Untuk siaran segera

Great Eastern Takaful Membantu Mempertingkat Kesedaran Mengenai Penyakit Kanser di Kalangan Kanak-kanak

14 September 2022, Kuala Lumpur – Bersempena Bulan Kesedaran Kanser Kanak-kanak 2022, Great Eastern Takaful Berhad (GETB) telah berkolaborasi dengan sebuah badan bukan kerajaan, Kumpulan Ibu Bapa Dan Sokongan Anak-Anak Kanser (KIDS) untuk menjayakan *Program MyETS Journey* pada 9 – 11 September 2022. Program ini bertujuan untuk memupuk kesedaran masyarakat mengenai penyakit kanser di kalangan kanak-kanak di sepanjang perjalanan dua hala Kuala Lumpur-Alor Setar menerusi perkhidmatan tren laju (ETS).

Great Eastern Takaful yang turut prihatin dengan peningkatan bilangan pesakit kanser yang melibatkan kanak-kanak ini menyokong penuh usaha KIDS dalam meningkatkan kesedaran dan penghayatan masyarakat berkaitan penyakit kanser kanak-kanak, serta cabaran yang dihadapi oleh pesakit, penjaga dan ahli keluarga terdekat.

Memetik kenyataan Pengarah Perubatan Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM) Dr. M. Murallitharan, setiap hari, kira-kira lima kanak-kanak di Malaysia didiagnosis menghidap pelbagai penyakit barah. Situasi ini adalah membimbangkan kerana bilangan tersebut dijangka akan meningkat pada masa hadapan¹.

Ketua Bahagian Pemasaran Great Eastern Takaful, Pn. Nurul Sheila Khalib berkata, “Kerjasama antara pihak GETB dan KIDS ini adalah satu inisiatif tanggungjawab sosial korporat yang amat bermakna kerana kami ingin lebih ramai masyarakat di luar sana memahami bahawa penyakit kanser boleh menyerang kanak-kanak dan seperti pesakit dewasa, mereka juga berpeluang untuk sembuh, menjalani kehidupan yang baik dan mengejar impian mereka. Semoga mereka lebih bersemangat positif dalam mengharungi cabaran mendatang.”

“Seiring dengan matlamat kami sebagai penyedia perlindungan takaful keluarga yang komprehensif, kami ingin semua peserta program dan ahli keluarga yang terlibat mencapai kejayaan bersama kami,” tambah beliau.

Seramai hampir 80 peserta program yang terdiri daripada pesakit kanser kanak-kanak, para pengiring serta sukarelawan GETB telah mengedarkan risalah, berkongsi kisah perjuangan mereka di samping melawat pelbagai tempat menarik di sekitar Alor Setar.

Pengerusi Kumpulan Ibu Bapa Dan Sokongan Anak-Anak Kanser, Pn. Hamidah Tajudin berkata, “Program *MyETS Journey* ini adalah julung kali diadakan dan kami merakamkan ucapan terima kasih kepada Great Eastern Takaful atas penajaan ini. Ia memberikan

¹ <https://www.hmetro.com.my/utama/2022/01/805336/makin-ramai-budak-derita-kanser>

semangat baru buat anak-anak kanser dalam meningkatkan keyakinan diri, bebas melakukan aktiviti serta berpeluang menimba ilmu dan pengalaman baru. Kami juga dapat memperkenalkan KIDS kepada masyarakat dan memberi pendedahan bahawa peluang pesakit kanser kanak-kanak untuk sembuh adalah tinggi, iaitu lebih daripada 80%. Besar harapan kami agar lebih ramai orang awam dapat memberikan sokongan kepada anak-anak kanser kami.”

Untuk maklumat lanjut:

Great Eastern Takaful - <https://www.greateasterntakaful.com/>

KIDS - <https://www.facebook.com/KK3parentssupportgroup/>

-TAMAT-

Mengenai Great Eastern Takaful Berhad

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara I Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, syarikat ini telah berjaya melangkah jauh di mana ia dinamakan Best New Islamic Institution pada 2011; Best New Takaful Institution pada 2012; dan Best Takaful Operator (Asia) pada 2013 di Islamic Business & Finance Awards di Dubai. Pada tahun 2018, Great Eastern Takaful Berhad dianugerahkan Fastest Growing Takaful Company in Malaysia oleh International Finance, sebuah terbitan analisis dan perniagaan premium di United Kingdom dan Takaful Solutions Provider of the Year - South East Asia Award oleh Wealth & Finance International dari United Kingdom. Pada tahun 2020, Great Eastern Takaful dianugerahkan “Most Valuable Brand – Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards 2020. Pada tahun yang sama, syarikat pengendali takaful ini juga dinobatkan sebagai penerima “CSR Initiative of 2020” oleh Insurance Asia Awards. Pada tahun 2021, Great Eastern Takaful telah memenangi “The BrandLaureate World Halal BestBrands e-Branding Awards 2021 – Brand of the Year – Takaful Solutions”.

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mastura Abd Rahim

Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat

Tel: +6016 209 2341 | MasturaAbdRahim@greateasterntakaful.com